

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah syarat-syarat atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diwajibkan kepada agensi yang mengendalikan Pakej Haji Furada, bagi mengelakkan isu jemaah haji terkandas di Arab Saudi sepertimana berlaku pada musim haji 1440H daripada berulang.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, visa haji Furada dikeluarkan secara terus oleh pihak Kedutaan Besar DiRaja Arab Saudi di Malaysia kepada individu atau kumpulan tertentu sahaja. Pengeluaran visa Furada ini tidak mengganggu atau memberi kesan kepada kuota rasmi berjumlah 30,200 dan kuota tambahan yang diberikan Kerajaan Arab Saudi kepada Kerajaan Malaysia melalui Tabung Haji.

Mereka yang memperoleh visa Furada hendaklah menguruskan sendiri keperluan untuk ke Tanah Suci termasuklah urusan imigresen, penerbangan, pengangkutan, penginapan dan sebagainya.

Mereka hendaklah membuat semakan secara online bagi memastikan kesahihan visa yang diperolehi supaya tidak berlaku isu rakyat Malaysia terkandas di Arab Saudi.

Pengurusan rakyat Malaysia yang menggunakan visa Furada tidak tertakluk di bawah bidang kuasa Lembaga Tabung Haji (**TH**). Mulai tahun 2018, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi tidak membenarkan **TH** secara langsung menguruskan bakal haji visa Furada ini.

Untuk mengurangkan risiko, mereka yang mendapat visa Furada disarankan untuk mengikuti syarikat Pengelola Jemaah Haji (PJH) yang berlesen dengan **TH** ataupun anak syarikat **TH** iaitu TH Travel & Services Sdn. Bhd. (THTS).

Sekian. Terima kasih.